

**SOALAN NO. 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' KAMARUL  
BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:**

(a) setakat mana pemantauan Kerajaan terhadap sindiket menyalahgunakan program-program Kerajaan yang mengakibatkan kegagalan projek atau program tersebut; dan

(b) setakat mana dana yang telah diperuntukkan untuk projek-projek tersebut disalahgunakan yang mengakibatkan program-program berkenaan tidak mencapai matlamat.

113

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap setiap projek atau program yang dilaksanakan supaya sentiasa mencapai matlamat yang disasarkan dan selaras dengan hasrat Kerajaan agar kepentingan rakyat sentiasa didahulukan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan sentiasa berusaha memastikan setiap dana yang diperuntukkan digunakan sepenuhnya untuk pelaksanaan projek yang telah dirancang.

Kerajaan telus dalam membentangkan pengurusan hal ehwal kewangan, pelaksanaan program/aktiviti/projek Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan dan Negeri melalui pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Laporan ini dibentangkan di Parlimen dan diikuti dengan sesi *Townhall* Bersama Media Susulan Laporan Ketua Audit Negara di mana hasil laporan berkenaan dibentangkan untuk makluman awam. Segala kelemahan dan isu ketidakpatuhan didedahkan bersama punca dan syor penambahbaikan. Di samping itu, inisiatif positif dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh entiti awam berkenaan selepas pemerhatian audit dikemukakan turut dilaporkan.

Bagi kes-kes yang melibatkan penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa, maka tindakan punitif (hukuman) akan diambil ke atas pegawai manakala bagi kelemahan sistem dan prosedur, tindakan *corrective* (pembetulan) akan diambil bagi memperbaiki kelemahan tersebut. Pembentangan LKAN ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan

kedudukan terkini laporan tersebut dan menghebahkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

Sekian, terima kasih.